# Malaysia hantar pulang kontena bawa sisa plastik tidak patuhi syarat

BERNAMA | | 14 November 2019



Gambar hiasan.

KUALA LUMPUR - Malaysia akan menghantar pulang semula kontena berisi jutaan sisa plastik dari luar negara yang tidak mematuhi syarat ditetapkan, kata Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menurutnya, yang akan dihantar pulang adalah kontena yang tidak memiliki lesen import sisa plastik di samping kontena mengandungi sisa plastik yang tidak bersih dan tidak homogen.

"Ia adalah antara langkah yang diambil bagi mengatasi import haram jutaan tan sisa plastik dari luar negara ke Malaysia," kata KPKT dalam jawapan bertulis yang dipaparkan dalam laman web Parlimen hari ini.

Ia sebagai menjawab soalan Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib (BN-Maran) yang mahu pihak kementerian menjelaskan apakan langkah kawalan yang telah dan akan diambil kementerian bagi mengatasi import haram jutaan tan sisa sampah dari luar negara ke Malaysia.

KPKT menegaskan hanya import sisa plastik yang bersih dan homogen sahaja dibenarkan dihantar ke Malaysia dan antara yang diluluskan adalah sisa plastik yang berasal dari Jepun, Amerika Syarikat, Eropah termasuklah dari Asia Barat.

Negara-negara ini membekalkan sisa plastik berkualiti tinggi dan bersih seperti Acrylonitrile butadiene styrene (ABS) lumps dan Polyethylene (PE) film.

KPKT turut mengenakan syarat lebih ketat bagi import sisa plastik HS Code & kod tariff 39.15.